


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Segera bentang PADU tepis dakwaan M40 terpinggir



**Segera bentang
PADU tepis
dakwaan M40
terpinggir**

Secara relatif, banyak insentif dan inisiatif diberikan kepada B40 kerana menjadi kelompok paling terjejas, terutama dalam konteks kesenjangan ekonomi, sekali gus memerlukan bantuan langsung untuk hidup. Namun, tidak tepat untuk kita membandingkan apa diterima B40 dengan M40 secara kuantitatif kerana golongan miskin dan miskin tegar bukan sahaja perlu dibantu kerana tanggungjawab kerajaan, bahkan menjadi 'duri dalam daging' kepada usaha menjadi negara berpendapatan tinggi serta maju.

Justeru, kita lega apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan kerajaan tidak mengabaikan kebijakan M40, sebaliknya menegaskan peluang sama rata diberikan kepada semua golongan pengelasan keluarga. Dalam setiap belanjawan, peruntukan turut diberikan kepada kumpulan berpendapatan menengah itu, tetapi secara strategik melalui peluang pendidikan, pengurangan kadar cukai pendapatan dan pelbagai insentif mengurangkan perbelanjaan isi rumah, selain inisiatif untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi yang terbahit dalam perniagaan.

Namun, kita mengingatkan keluhan M40 itu perlu diberikan perhatian oleh kerajaan, terutama dalam keadaan peningkatan kos sara hidup dan pendapatan statik atau pergerakan gaji tidak berkadar dengan kenaikan inflasi serta harga barang yang memberikan kesan kepada golongan terbahit. Apatah lagi M40 bukan kelompok seragam dari segi pendapatan dan perbelanjaan kerana berbeza berdasarkan jumlah isi rumah dan komitmen kewangan, selain faktor bandar-luar bandar.

Tidak hairanlah klasifikasi B40, M40 dan T20 mendapat kritikan pakar ekonomi kerana asalnya diwujudkan Bank Dunia pada 1970-an dan 1980-an sebagai perbandingan mudah membezakan golongan miskin antara dua negara, tetapi dijadikan pengukur mutlak kerajaan selama ini dalam penyaluran bantuan sehingga timbul persepsi ketidakadilan, terutama apabila dibandingkan secara kualitatif.

Kita yakin kerajaan menyedari realiti pendapatan dan perbelanjaan rakyat ini seperti diakui Perdana Menteri sendiri apabila mengumumkan Pangkalan Data Utama (PADU) akan menyelaras penilaian agihan subsidi kepada golongan layak dijangka siap akhir tahun ini, sekali gus bukan lagi berdasarkan klasifikasi lapuk itu. Sebelum ini, pangkalan data berkenaan dikatakan dalam proses kemas kini lebih 200 data daripada kementerian, agensi serta kerajaan negeri.

Pelaksanaan sistem PADU jika bersifat dinamik dengan mengambil kira perubahan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah serta jumlah tanggungan, termasuk dari aspek kesihatan dan pendidikan anak serta kehidupan berkualiti, dijangka bukan sahaja dapat memberikan keadilan kepada semua segmen masyarakat, bahkan boleh menepis rungutan mana-mana kelompok yang rasa 'terpinggir' daripada mendapat bantuan atau insentif selayaknya.

Justeru, kita meminta kerajaan terutama Kementerian Ekonomi untuk segera membentangkan sistem mengabungkan maklumat sosioekonomi bagi setiap isi rumah di negara ini dalam menentukan pendapatan boleh belanja bersih keluarga supaya pelaksanaan yang dijangka bermula pada tahun depan itu mencapai objektif disasarkan secara optimum, sekali gus dipastikan tiada kelompok yang menjajaskan keberkesannya.